



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 25 TAHUN 2005

**IMBUHAN TAHUNAN DAN
BAYARAN KHAS PRESTASI 2005**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2005.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2005 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagai menghargai sumbangan mereka dalam mencapai matlamat negara. Imbuhan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang diputuskan adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang bergaji sehingga RM1,000.00 sebulan adalah sebanyak **satu setengah (1½) bulan gaji**; atau
- b. pegawai yang bergaji melebihi RM1,000.00 sebulan adalah sebanyak **satu bulan gaji** atau **minimum RM1,500.00**.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

3. Pegawai yang layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut:

- a. pegawai tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrak dan guru sandaran;
- b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib iaitu amaran atau amaran keras;
- d. pemandu yang dilantik oleh pegawai Jawatan Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A' yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- e. pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya.

Pegawai Yang Tidak Layak

4. Pegawai yang tidak layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 2005;

- b. pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2005;
- c. pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2005;
- d. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 2005; dan
- e. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman yang dinyatakan di perenggan 3(c).

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi

5. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 3(c).

Kaedah Pembayaran

6. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai yang berkhidmat pada tahun 2005. Perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah tertakluk kepada genap satu bulan perkhidmatan. Kiraan genap satu bulan perkhidmatan bermaksud satu bulan kalendar.

7. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dibayar berdasarkan gaji bulan Oktober 2005. Bagi tujuan pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, maksud gaji pegawai adalah:

- a. termasuk Elaun Pemangku bagi pegawai yang memangku; atau
 - b. gaji yang diberi atas sebab peminjaman/pertukaran sementara.
8. Pegawai akan dibayar sebanyak separuh daripada Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada bulan Oktober 2005 dan separuh lagi pada bulan November 2005.
9. Pegawai yang dilantik mulai 1 November 2005, perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan dibuat berdasarkan gaji lantikannya dan dibayar secara *proportionate*.
10. Pegawai yang bersara/meninggal dunia/letak jawatan/tamat perkhidmatan/tamat kontrak, perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan berdasarkan gaji akhir yang diterima.
11. Pegawai yang bersara dan dilantik semula, perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah secara *proportionate* berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara. Bagi tempoh dilantik semula, perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru. Penjelasan adalah seperti di perenggan 1, **Lampiran A**.
12. Pegawai yang dinaikkan pangkat/dipinjamkan/ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan selepas 1 haribulan pada sesuatu bulan, perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi bulan itu dan tempoh sebelumnya hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan lama. Bagi tempoh selepas bulan berkenaan perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru.

13. Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun, perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan.

14. Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan. Sekiranya bilangan hari bekerja dalam sebulan adalah kurang daripada 21 hari, perkiraan bilangan hari bekerja adalah berdasarkan hari bekerja tertinggi dalam bulan berkenaan.

15. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji pegawai tahun 2005. Penjelasan adalah seperti di perenggan 2, **Lampiran A.**

JABATAN YANG MEMBAYAR

16. Pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran atau jabatan terakhir di mana pegawai bertugas sebelum berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta.


TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

7 Oktober 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PENJELASAN PELAKSANAAN IMBUHAN TAHUNAN /
BAYARAN KHAS PRESTASI 2005**

(Perenggan 11 dan 15, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2005)

1. Pegawai yang bersara dan dilantik semula, perkiraan Imbuan Tahunan adalah secara *proportionate* berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara. Bagi tempoh dilantik semula, perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru.

Bersara pada 6 Mac 2005.

Gaji akhir yang diterima: RM 5,347.86 (Gred M54 : P1T5)

Dilantik semula pada 1 Julai 2005

Gaji jawatan baru: RM 5,547.51 (Gred M54 : P1T6)

Perkiraan Imbuan Tahunan :

$$(2/12 \times \text{RM } 5,347.86) + (6/12 \times \text{RM } 5,547.51) = \text{RM}3,665.07$$

Dibayar separuh daripada Imbuan Tahunan pada Oktober dan separuh pada November.

2. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji pegawai tahun 2005.

Situasi :

Surat pemakluman kenaikan pangkat dikeluarkan dalam tahun 2006 dan tarikh kenaikan pangkat itu dikebelakangkan pada tahun 2005.

Penjelasan :

Imbuan Tahunan/Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2005 tidak boleh diselaraskan.